

14/11/1998

Anwar saman PM (HL)

Khairul Bahri Basaruddin; Anwar Hussin; Munira Yusoff
KUALA LUMPUR, Jumaat - Datuk Seri Anwar Ibrahim hari ini mengemukakan saman memohon perisytiharan mahkamah bahawa pelucutannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan oleh Perdana Menteri pada 2 September lalu, tidak sah dan batal.

Sehubungan itu, Anwar memohon perisytiharan bahawa beliau masih lagi seorang menteri dalam Kabinet Malaysia.

Beliau, yang memfailkan saman pemula itu menerusi Tetuan Karpal Singh & Company, juga memohon perisytiharan bahawa Perdana Menteri telah bertindak bercanggah dengan peruntukan Perkara 43 (5) Perlembagaan Persekutuan ketika melucutkan jawatannya daripada Kabinet.

Perkara 43 (5) menyebut: "Tertakluk kepada Fasal (4), Menteri-menteri yang lain daripada Perdana Menteri adalah memegang jawatan selama diperkenankan oleh Yang di-Pertuan Agong, melainkan jika pelantikan mana-mana Menteri telah dibatalkan oleh Yang di-Pertuan Agong atas nasihat Perdana Menteri, tetapi mana-mana Menteri boleh meletakkan jawatannya".

Saman itu difailkan di pejabat Pendaftar Mahkamah Tinggi Sivil, Wisma Denmark di sini pada jam 3 petang ini. Mahkamah bagaimanapun belum menetapkan tarikh perbicaraan.

Isteri Anwar, Datin Seri Dr Wan Azizah Wan Ismail yang hadir ketika saman itu difailkan, kemudian mengedarkan dokumen itu kepada pemberita.

Dalam saman itu, Anwar menamakan Perdana Menteri Malaysia dan Kerajaan Malaysia sebagai defendan.

Dalam afidavit bagi menyokong permohonan itu, Anwar mendakwa beliau yang menjadi Ahli Parlimen Permatang Pauh sejak 1982, dilantik sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan selepas pilihan raya umum 1995.

Menurut Anwar, pelantikannya oleh Yang di-Pertuan Agong adalah atas nasihat Perdana Menteri mengikut Perkara 43 (20 (b) Perlembagaan Persekutuan.

Bagaimanapun, katanya, pada jam 5.30 petang 2 September lalu, Perdana Menteri melucutkan jawatannya sebagai Timbalan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan secara tidak sah serta bercanggah dengan Perkara 43 (5) Perlembagaan Persekutuan.

Anwar mengemukakan surat Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang memaklumkan pelucutan jawatannya pada jam 5.30 petang 2 September lalu dan kenyataan akhbar oleh Jabatan Perdana Menteri berhubung perkara yang sama, sebagai barang kes.

Beliau yang kini ditahan di Penjara Sungai Buloh kerana tidak mendapat ikat jamin bagi lima tuduhan amalan rasuah dan lima tuduhan liwat, mendakwa Perdana Menteri mengakui di Dewan Rakyat bahawa keputusan melucutkan jawatannya, sudah disampaikan kepada Yang di-Pertuan Agong.

Menurutnya, Perdana Menteri membuat pengakuan itu sebagai menjawab soalan Ahli Parlimen Jelutong, Karpal Singh di Dewan Rakyat dan salinan Penyataan Rasmi Parlimen bertarih 23 Oktober 1998, dikemukakan sebagai barang kes.

Anwar berkata, beliau dinasihatkan oleh peguam caranya bahawa Perdana Menteri tidak mempunyai kuasa dan hak mengikut undang-undang untuk melucutkan jawatannya.

Katanya, pelantikannya sebagai menteri oleh Yang di-Pertuan Agong dan boleh membatalkan pelantikan itu atas nasihat Perdana Menteri mengikut Perkara 43 (5) Perlembagaan Persekutuan.

Sehubungan itu, kata Anwar, beliau masih seorang menteri dalam Kabinet

Malaysia kerana pelantikannya oleh Yang di-Pertuan Agong belum lagi dibatalkan secara sah.

(END)